




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **101 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,870 kes**. Tiada kes kematian direkodkan pada hari ini.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 87 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,324 orang. Pada hari ini juga sejumlah 849 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 310 orang di hospital, 537 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 48 orang dan 21 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

- 4 Pada hari ini, satu (1) **kluster** baharu dilaporkan.

**Kluster Singgahmata di Lahad Datu** merekodkan satu (1) kes positif COVID-19 hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Kes indeks dikesan positif melalui saringan bergejala di Hospital Lahad Datu pada 13 Februari 2021. Hasil saringan kontak rapat 10 kes lagi berjaya dikesan. Aktiviti pengesanan dan punca jangkitan masih giat dijalankan.

- 5 Daripada 101 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 29 kes (28.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala tujuh (7) kes (6.9%), saringan kluster baharu dan sedia ada 48 kes (47.5%), pra kemasukan wad / rawatan enam (6) kes (5.9%) dan 11 kes (11%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 925 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,860 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 14.49%.

**B DINE-IN DAN OPERASI YANG DIBENARKAN DIBAWAH PKPB**

- 1 Selaras dengan keputusan kerajaan persekutuan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa hari ini (19.02.2021). Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan *Dine-in* di restoran termasuk premis hotel, kedai/gerai makan, *coffee house* dan medan selera dibenarkan beroperasi dari 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
- 2 Perkhidmatan Spa, *Reflexology*, Urut dan *Wellness* juga dibenarkan. Operasi perniagaan bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.
- 3 Kerajaan juga bersetuju membenarkan operasi Taman Awam. SOP akan disediakan dan akan dikuatkuasakan pada 23 Februari 2021.

**C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 19 Februari 2021, sejumlah **106,629** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 47 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 37,209 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 31 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 23 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 271 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 90 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 844 lokasi melibatkan seramai 156 anggota APM dan 142 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Keningau, Tawau, Kuala Penyu dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 82 lokasi melibatkan 10 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 378 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Papar	94%
3	Beaufort	94%
4	Tuaran	93%
5	Penampang	93%
6	Semporna	93%
7	Kunak	93%
8	Beluran	93%
9	Kudat	93%
10	Kota Belud	93%
11	Kinabatangan	93%
12	Keningau	93%
13	Kota Marudu	93%
14	Sipitang	93%
15	Ranau	93%
16	Tawau	92%
17	Sandakan	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Kota Kinabalu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
19 Februari 2021**